

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SEU 419 - Ekonomi Sektor Awam

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT BELAS** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahagian A dan **DUA** soalan dalam Bahagian B.

BAHAGIAN A (60 Markah)

Jawab **SEMUA** soalan. Gunakan kertas ini untuk jawapan anda.

Soalan 1

[A] Jadual kadar cukai pendapatan di negara Brasilia tidak lengkap kerana kadar yang dikenakan ke atas beberapa kelas pendapatan tidak diberi. Anda diberitahu bahawa kadar-kadar tersebut tidak dapat dianggarkan.

<u>Kelas Pendapatan</u>	<u>Kadar</u>
1 - 5,000	?
5,001 - 10,000	6 %
10,001 - 12,000	?
12,001 - 17,000	8 %
17,001 - 20,000	10 %
> 20,000	13 %

Seorang pekerja di negara tersebut menerima pendapatan yang ditaksir sebanyak \$17,231 setahun.

...2/-

Angka Giliran: _____

[a] Bolehkah anda dapatkan


[i] Kadar cukai marginal beliau?

[ii] Kadar cukai purata beliau (yakni, T/Y)?

(4 Markah)

[b] Katakan sekarang pembayar cukai menerima pelepasan sebanyak \$1,000. Bolehkah anda hitung penjimatan cukai daripada pelepasan ini?

[B] Rajah berikut menggambarkan kedudukan sebuah monopoli semulajadi.



...3/-

Angka Giliran: _____

[a] Terangkan mengapa sektor swasta mungkin enggan menguruskan firma tersebut.

[b] Jika sektor awam menguruskan firma ini dan ingin memastikan alokasi sumber yang cekap, tunjukkan harga dan output yang patut dipilih.

[c] Dengan memberi satu contoh yang konkrit, jelaskan bagaimana sektor awam dapat menutupkan kos pengeluaran tanpa menggunakan subsidi.

(8 Markah)

[C] Dalam sebuah ekonomi yang kecil, terdapat hanya 3 orang individu (a, b dan c).

Permintaan masing-masing terhadap barang awam tulen (X) diberi oleh persamaan-persamaan berikut.

$$P_a = 100 - X$$

$$P_b = 110 - X$$

$$P_c = 150 - X$$

Kos marginal mengeluarkan X adalah malar pada tahap \$150.

...4/-

Angka Giliran: _____

Kerajaan sudah mengambil keputusan untuk mengeluarkan 70 unit X dan cadangkan bahawa setiap penduduk membayar cukai sebanyak \$50 untuk menutup kos penyediaan X. Tetapi cadangan tentang cukai hanya dapat dilaksanakan jika ianya menerima sokongan majoriti.

[a] Bolehkah kerajaan mendapati sokongan majoriti? Beri penjelasan yang tepat.

[b] Jika kerajaan terus menetapkan output X pada peringkat 70 unit tetapi menggunakan proses pengundian majoriti untuk memilih cukai yang patut dibayar oleh setiap orang, berapakah amaun cukai yang akan dipilih? Mengapa?

[c] Wujudkah masalah dengan pilihan majoriti di bahagian [b]? Jika wujud, jelaskannya.

(7 Markah)

...5/-

Angka Giliran: _____

[D] Kenalpastikan sama ada kesan luaran (positif atau negatif) wujud daripada peristiwa yang berikut. Berikan sebab-sebab anda.

[a] Akibat daripada lebih penawaran daging dalam pasaran, harga hamburger sudah turun.

[b] Larangan merokok diseluruh bangunan-bangunan kerajaan.

(4 Markah)

[E] Dalam sebuah ekonomi yang kecil ada hanya dua orang pengguna A dan B. Sumber ekonomi tersebut sedang digunakan untuk mengeluarkan barang awam (X) dan barang persendirian (Y).

Komposisi output pada masakini adalah 300 unit X dan 430 unit Y. Sumber yang digunakan untuk mengeluarkan 10 unit barang awam boleh menghasilkan 15 unit barang persendirian.

Pengguna A sedia melepaskan seunit barang persendirian untuk 4 unit barang awam, manakala pengguna B menganggap 5 unit barang awam sebagai sama nilai dengan 3 unit barang persendirian.

[a] Tentukan sama ada alokasi input dalam ekonomi ini cekap atau tidak.

...6/-


Angka Giliran: _____

[b] Patutkah campuran output dalam ekonomi ini diubahkan? Jika patut, output barang jenis yang mana harus ditambahkan (dikurangkan)?

(4 Markah)

[F] Sebuah firma sedang mencemarkan air sungai dan mengancam kehidupan para nelayan yang menggunakan sungai tersebut.

Keluk MC penduduk dan MB pencemar adalah seperti berikut



Angka Giliran: _____

[a] Tunjukkan tahap kekotoran yang akan dipilih oleh pihak pengeluar dan pihak nelayan. Beri sebab-sebab anda.

[b] Katakan sekarang sektor awam campur tangan dan hak milik air sungai diberi kepada pihak nelayan.

Andaikan juga bahawa kos transaksi adalah rendah, dan kedua-dua pihak mempunyai maklumat yang sempurna.

Wujudkah penyelesaian masalah pencemaran air sungai tadi? Jika wujud, jelaskan penyelesaian yang akan dicapai, secara mendalam. Jika tidak wujud, terangkan mengapa persetujuan tidak akan dicapai.

(6 Markah)

[G] [a] Tentukan sama ada cukai pendapatan yang digambarkan oleh persamaan-persamaan berikut merupakan cukai yang progresif, regresif atau setimpal.


- [i] $T = C - 0.5Y$
- [ii] $T = - C + bY$

...8/-

Angka Giliran: _____

di mana T = hasil cukai, C dan b adalah pamalar positif dan Y = pendapatan.

[b] Keluk-keluk A, B dan C menunjukkan perhubungan di antara liabiliti cukai dan paras pendapatan.



...9/-

Angka Giliran: _____

Beri komen anda tentang cukai yang digambarkan oleh setiap keluk (yakni, sama ada cukainya progresif, regresif atau setimpal)

(8 Markah)

[H] "Buoyancy" dan keanjalan cukai mengikut pendapatan untuk import antara 1984-91 di Singapura adalah seperti berikut

<u>Buoyancy</u>	<u>Keanjalan mengikut pendapatan</u>
1.024	0.982

Sepanjang tempoh masa tersebut, hanya kadar cukai import berubah; kerajaan Singapura mengurangkan cukai import.

[a] Apakah kesan pengurangan kadar cukai terhadap hasil cukai?

[b] Bolehkah import menggantikan pengeluaran tempatan (Singapura)?

...10/-

Angka Giliran: _____

(3 Markah)

[I] Penduduk negara Hungary sedang membeli minyak untuk segala keperluan mereka pada harga yang ditetapkan dipasaran minyak antarabangsa.

Sekiranya, kerajaan Hungary mengenakan cukai terhadap minyak, siapakah yang akan menanggung bebannya? Mengapa? (Lengkapkan jawapan anda dengan rajah yang sesuai).


(Dipetik daripada Rosen, Edisi Ketiga
m.s. 304)

(5 Markah)

...11/-

Angka Giliran: _____

[J] Output X di negara Zalvania sedang dikeluarkan oleh sebuah firma monopoli. Tetapi import komoditi X juga dibenarkan oleh kerajaan. Kedudukan ini dibayangkan oleh rajah yang berikut



AR, MR dan MC adalah keluk hasil purata, hasil marginal dan kos marginal, masing-masing, firma monopoli. P_x ialah harga import komoditi X.

[a] Tandakan tahap output X yang dikeluarkan dalam negeri dan jumlah kuantiti X yang sedang diimport.

[b] Katakan kerajaan Zalvania mengenakan cukai sebanyak \$b pada setiap unit X yang diimport.

[i] Tunjuk kesan tarif terhadap output pengeluar tempatan dan import.

...12/-

Angka Giliran: _____

(ii) Kenalpastikan hasil kerajaan, beban berlebihan kos ketidakcekapan dan subsidi kasar yang diakibatkan oleh tarif itu.

(iii) Terangkan mengapa beban berlebihan dan kos ketidakcekapan wujud?

(11 Markah)

BAHAGIAN B (40 Markah)

Jawab DUA soalan sahaja. Gunakan buku-buku jawapan untuk bahagian ini.

Soalan 2

Anda diminta membentuk sebuah rangkakerja keseimbangan am yang mempunyai dua sektor pengeluaran (X dan Y) dan menggunakan dua jenis imput (L dan K).

Tujuan rangkakerja ini ialah untuk menganalisis insidens cukai.

...13/-

- [a] Sebutkan segala andaian model anda.
- [b] Dapatkan kombinasi cukai-cukai separa yang akan memberi kesan yang sama dengan cukai-cukai umum berikut:

t_K, t_L, t_X, t_Y dan t

di mana t_K = Cukai umum terhadap modal
 t_L = Cukai umum terhadap buruh
 t_X = Cukai umum terhadap output X
 t_Y = Cukai umum terhadap output Y
 t = Cukai pendapatan umum.

- [c] Jika cukai dikenakan terhadap input buruh yang digunakan dalam sektor Y sahaja, apakah kesan-kesannya?

(20 Markah)

Soalan 3

Malaysia sedang mengkaji semula sistem cukai tak langsungnya; ada kemungkinan besar bahawa cukai tambah nilai (VAT) atau cukai jualan peruncit (RST) akan menggantikan cukai-cukai tak langsung kita, tidak lama lagi.

- [a] Mengapakah kajian semula tersebut diperlukan?
- [b] Antara VAT dan RST, bincangkan yang mana lebih sesuai dalam keadaan kita.

(20 Markah)

Bahagian 4

Agihan pendapatan disebuah negara tidak rata; sebilangan besar daripada penduduknya masih berpendapatan rendah. Namun begitu, bilangan penduduknya adalah kecil dan kerajaan berhajat untuk mempertingkatkan kadar pertumbuhan penduduk di negara tersebut.

Satu cadangan untuk mencapai matlamat ini adalah melalui perubahan dalam struktur cukai pendapatan. Ciri-ciri penting cukai pendapatan (individu) yang ada pada masa kini ialah seperti berikut.

...14/-

- [i] Kadar cukai yang progresif
- [ii] Pelepasan yang tertentu dibenarkan untuk pembayar cukai dan isterinya (jika ada)
- [iii] Pelepasan untuk setiap orang anak adalah tetap, dan tiga orang anak layak menerimanya. Kanak-kanak yang layak tidak boleh melebihi umur 18 tahun dan tidak boleh bekerja.
 - [a] Cadangkan perubahan-perubahan dalam struktur cukai pendapatan yang anda anggap sesuai untuk mencapai matlamat kerajaan.
 - [b] Kenalpastikan kelemahan-kelemahan kaedah ini (jika ada)
 - [c] Bincangkan kaedah (kaedah-kaedah) alternatif yang mungkin lebih berkesan untuk mencapai tujuan kerajaan.

(20 Markah)

Soalan 5

"Dari segi kawalan pencemaran, cukai pencemaran (pollution tax) mempunyai beberapa kekuatan berbanding dengan regulasi"

- [a] Dengan memberi contoh-contoh yang sesuai, bincangkan keadaan dimana kenyataan ini adalah benar.
- [b] Di dalam keadaan yang manakah kenyataan ini tidak benar?

(20 Markah)

- oooOooo -